

28 AUG 1997

Cook-MSC

SYARIKAT BRITAIN SUMBANG DALAM MSC I

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Beberapa syarikat Britain akan datang ke sini November ini untuk menunjukkan sokongan mereka kepada Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Setiausaha Luar Britain Robin Cook hari ini.

Katanya mereka menyokong penuh rancangan MSC yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya pasti kita boleh belajar untuk bekerjasama dan bertukar-tukar teknologi," katanya kepada pemberita selepas menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabatnya di sini hari ini.

Cook, yang mengetuai 13 anggota rombongan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, berkata kedua-dua negara telah menemui kunci kejayaan dalam bidang industri yang penuh dengan teknologi tinggi terutama teknologi maklumat.

"Belajar daripada pengalaman dari kedua-dua belah pihak, pastikan ekonomi kedua-dua negara bertambah kukuh," katanya.

Mengenai pertemuan 45 minitnya dengan Anwar, Cook berkata menggunakan peluang itu untuk menyakinkan Anwar bahawa Kerajaan Parti Buruh Britain berminat menjalinkan hubungan lebih kukuh dengan rantau Asia Tenggara.

"Saya juga berbincang dengan beliau mengenai hubungan baru Britain dengan Kesatuan Eropah," katanya.

Katanya Britain bukan lagi negara sampingan di Eropah tetapi kini merupakan rakan utama dan dianggap penting.

Tetapi itu tidak bermakna Britain membelakangkan "persahabatan di mana sahaja di dunia seperti Malaysia".

Menurut Cook, Britain kini yakin dapat menggunakan pengaruhnya yang ada di Eropah bagi faedah rakan-rakannya di mana-mana sahaja di dunia. --

BERNAMA

MNY NN AHH